



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
30 APRIL 2018 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - Isu trafik sesak himpit rakyat       | 35 |
| - Tekad selesai isu peniaga pasar pagi | 35 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**30 APRIL 2018 (ISNIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Isu trafik sesak himpit rakyat
Muka Surat	35

SINAR HARIAN • ISNIN 30 APRIL 2018

35

**AMPANG. HULU LANGAT**

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6680275

# Isu trafik sesak himpit rakyat

Mahu bakal YB  
selesaikan  
masalah .

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

I su kesesakan lalu lintas menjadi topik utama dibangkitkan oleh rakyat apabila calon Pakatan Harapan (Harapan) di Dun Pandan Indah, Ir Izham Hashim turun padang bertemu penduduk.

Izham berkata, pihaknya akan berusaha sedaya upaya untuk mengatas masalah ini demi kesejahteraan masyarakat sekranya mandat diberikan kepada beliau.

"Isu ini juga berkait dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, pada peringkat kerajaan negeri ia amat ter-



Izham (dua, kanan) bersama calon Pakatan Harapan bagi Parlimen Pandan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail turun padang beramah mesra dengan peniaga dan pengunjung di pasar malam Pandan.

had dari segi dana termasuk bidang kuasa," katanya.

"Saya melihat kesesakan lalu lintas ini juga berkait dengan perancangan bandar, penambahbaikan infrastruktur juga bergantung kepada peruntukan Sistem Maklumat

Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (Marris)," katanya.

Selain itu, masyarakat juga membangkitkan isu denggi dan sampah.

"Perkara lain yang turut menjadi fokus utama saya di Dun Pandan Indah adalah isu

pemilikan tanah yang masih adai beberapa lokasi di sini," katanya.

Mengulas sokongan pengundi, Izham berkata,

komposisi pengundi Melayu sudah meningkat daripada 55 peratus kepada 62 peratus,

manakala komposisi Cina menurun daripada 39 peratus kepada 34 dan pengundi India kira-kira 7 peratus.

"Saya rasa pengundi Cina masih kekal menyokong Harapan. Sambutan kaum itu amat luar biasa ketika kami



mengadakan ceramah di beberapa lokasi, masyarakat India juga dilihat turut menerima Harapan," katanya.

Mengulas peluang persaingannya, Izham yakin penyokong tegar akan menyokong calon parti lawan.

"Saya jangkakan hanya 18 peratus pengundi Melayu akan menyokong mereka (BN), selain menyokong tegar parti berkenaan.

"Harapan hanya perlukan 30 peratus atau 40 peratus sokongan kaum itu untuk menang dalam PRU14, di sini," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
30 APRIL 2018 (ISNIIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tekad selesai isu peniaga pasar pagi
Muka Surat	35



## **Tekad selesai isu peniaga pasar pagi**

**TERATAI** – Calon Pakatan Harapan (Harapan) Dun Teratai, Brian Lai Wai Chong, berhasrat mengadakan perbincangan dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengenai cadangan draf Rancangan Tempatan (RT) khusus untuk tapak Pasar Pagi Taman Muda apabila menang PRU14.

Brain Lai berkata, para peniaga dan penjaja di pasar tersebut membangkitkan beberapa masalah di kawasan itu termasuk mengenai kekurangan tapak parkir yang boleh diselesaikan dengan perancangan strategik.

"Mereka juga risau tindakan MPAJ yang akan menghalau mereka dari tapak ini pada masa hadapan kerana segelintir pe-

niaga dan penjaja menjalankan perniagaan di atas jalan.

"Saya akan berbincang dengan persatuan penjaja, peniaga pasar termasuk Jabatan Perancangan Bandar MPAJ dan Kerajaan Negeri, berhubung perkara itu untuk meminda RT," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan berbincang dengan MPAJ agar mewujudkan tapak parkir yang lebih teratur.

"Perlaksanaan ini akan memberikan keselesaan kepada pengunjung.

"Pasar sedia ada ini wujud sejak lebih 30 tahun lalu, kami juga perlu mendapatkan sokongan sepenuhnya daripada pemilik kedai berhampiran pasar ini jika mahu meminda RT," katanya.